

SHANGHAI + HANGZHOU

5 HARI 4 MALAM

malaysia 
airlines



5H4M

SHANGHAI + HANGZHOU

Shanghai - Hangzhou - Wuzhen

TOUR CODE: CSH05-MH

HARI 1 MM

Kuala Lumpur - Shanghai - Hangzhou

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Shanghai. Bermalam di Hangzhou.

HARI 2 SP/MT/MM

Hangzhou

Lawatan di **Hangzhou**:

- Menaiki bot di **West Lake**, sebuah tasik yang dikelilingi oleh bukit-bukau yang diselimuti awan. Ia merupakan tempat dimana para penyair, cendekiawan dan artis sejak Dinasti Tang mengambil inspirasi disini. Ia juga tersenarai antara 8 tasik tercantik di China. Tetamu juga diberi kesempatan melalui jejambat di atas air ke **Flower Harbour Fish Garden** dimana terdapat kolam kecil dipenuhi dengan ikan kap berwarna merah serta pohonan pokok bunga disekitar kawasan ini.
- **Longjing Tea Plantation**: melawat ke ladang teh yang menghasilkan dragon well tea, sejenis daun teh yang telah wujud sekitar 1,200 tahun lalu. Ia antara 10 teh terkenal di China. Juga tetamu akan disajikan pemandangan indah dengan susunan berterles ladang teh di lembah ini dengan hirupan udara yang segar.



Longjing Tea Plantation

- **Masjid Phoenix**: singgah solat di salah satu dari 4 masjid tertua dan terbesar di China. Masjid ini telah berusia lebih dari 1000 tahun sebelum diruntuhkan pada tahun 1203 masihi, ia kemudian telah dibina semula ketika pemerintahan Kublai Khan dan ia berdiri megah sejak itu. Mengekalkan senibina China dan Islamik di masjid ini, ia dapat dilihat jelas pada binaan kubah dan minaretnya.



Phoenix Mosque

- **Hangzhou Asian Games Three Stadium**: melawat di sekitar stadium yang menempatkan Sukan Asia 2022, terutama pada Stadium Olympic Sports Center, ia dapat menempatkan seramai 80,000 orang, dengan struktur bangunannya yang unik dibina berbentuk seperti bunga teratai.



Hangzhou Asian Games Three Stadiums

- **Sasseur Outlet:** membeli-belah pelbagai barangan dari pakaian ke beg tangan dengan fesyen terkini.



Sasseur Outlet

Bermalam di Hangzhou.

HARI 3 SP/MT/MM Hangzhou - Wuzhen - Shanghai

Lawatan di **Wuzhen:**

- **Wuzhen Dongzha Scenic Area:** juga dikenali sebagai Venice of the East, ia adalah sebuah perkampungan berusia lebih dari 1,300 tahun. Ia mengekalkan deretan bangunan lama disepanjang sungai dengan pelbagai kedai, bengkel dan muzium disediakan disini.
- Membeli-belah di **Silk Factory** dengan pelbagai rekabentuk yang disediakan disini, dari sarung bantal, alas katil, pakaian dan banyak lagi.

Lawatan di **Shanghai:**

- **Masjid Songjiang:** singgah solat di antara masjid tertua di Shanghai yang berusia lebih dari 600 tahun, pelbagai tulisan kaligrafi boleh ditemui disini.



Masjid Songjiang

- **1000 Tree Mall:** keunikan bangunan ini digambarkan seperti sebuah gunung yang diliputi hutan rimba, ia merupakan bangunan yang terdiri dari kedai, café, restoran dan banyak lagi ruangan serta taman-taman terdapat disini.



1000 Tress Mall

Bermalam di **Shanghai.**

HARI 4 SP/MT/MM Shanghai

Lawatan di **Shanghai:**

- **Starbucks Roastery:** pernah dinobatkan sebagai cawangan terbesar di dunia pada tahun 2017, singgah sebentar untuk menikmati kopi dengan sedikit bayaran tambahan, ia menyediakan 3 bar kopi sepanjang 88 kaki, menjadikan ia bar kopi Starbuck terpanjang di dunia.



Starbucks Reserve Roastery Shanghai

- Melihat cara pembuatan batu seperti Jade, yang menjadi perhiasan penting tradisi orang China di **Shanghai Gemstone Carving Hall.**
- Berjalan kembali ke masa silam di **Chenghuang Miao Business District**, dimana bangunan lama dihiasi pelbagai warna-warni dengan pelbagai barangan antik, cenderahati, kraftangan dan banyak lagi boleh didapati disini. Kemudian meneruskan perjalanan menyusuri ke **Zigzag Bridge**, sebuah jambatan yang berbentuk zigzag merentasi permukaan tasik.
- Dibina pada tahun 1917, singgah solat di **Little Peach Garden Mosque**, masjid terbesar di Shanghai yang dapat memuatkan sehingga 500 orang pada satu masa.
- Membeli-belah di **Nanjing Pedestrian Street** untuk membeli cenderamata atau pakaian dari kedai yang terdapat disini termasuk butik-butik terkenal.
- **The Bund:** sebuah kawasan dermaga yang telah wujud sejak awal abad ke-20, kini ia telah digazet sebagai tempat bersejarah di Shanghai. Terdapat banyak bangunan berbentuk gothik, baroque, neoclassical serta renaissance yang masih dapat dilihat dikawasan ini seperti bangunan HSBC, Bank of Taiwan dan banyak lagi.

HARI 5 SP/MT Shanghai - Kuala Lumpur

Jinmao Tower: tetamu diberi peluang melihat Oriental Pearl Tower yang terletak seberang bangunan ini dari tingkat 88. Disamping itu, menikmati pemandangan indah kota yang penuh dengan bangunan pencakar langit ini. Dengan atrium yang kelihatan seperti berputar dengan warna keemasan tanpa ruang dan masa.

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur. Tiba di KLIA Terminal 1.

5H4M SHANGHAI + HANGZHOU



Chenghuang Miao



HOTEL PENGINAPAN		4* Hotel
BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Hangzhou	Holiday Inn Express Hangzhou	2 Mlm
Shanghai	Holiday Inn Express Shanghai	2 Mlm

JADUAL PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 388	KUL - PVG	0855	1415
5	MH 389	PVG - KUL	1605	2150

SHOPPING STOP

- Longjing Tea
- Silk Factory
- Gem Hall

PERBEZAAN
WAKTU

GMT+8

Chinese Yuan
CNY1

= Ringgit Malaysia
MYR 0.65

HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 4 malam bertaraf 4* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar.
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan seperti yang dinyatakan.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan tour leader dan tour guide yang terlatih professional.
- Tip untuk tour leader, tour guide dan pemandu bas persiaran.

HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebih had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.



Nanjing Street